KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	07.10.22	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JMG			



KEJADIAN tanah runtuh yang berlaku di laluan menuju ke puncak Gunung Raya, Langkawi semalam.

Penamat LTdL di Gunung Raya dibatalkan akibat tanah runtuh

LANGKAWI – Laluan perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdL) 2022 peringkat ketujuh dari Pekan Kuah ke Gunung Raya di sini semalam mengalami perubahan berikutan kejadian tanah runtuh di laluan utama ke puncak gunung itu.

Menerusi kenyataan pengarah, Presiden Komisar pertandingan bersetuju supaya laluan sejauh 90.8 kilometer (km) itu digantikan dengan laluan peringkat lapan membabitkan Loop Langkawi.

"Setelah bermesyuarat dengan pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah, Jawatankuasa Keselamatan Lalul Lintas Langkawi dengan ini memutuskan untuk membatalkan penamat di Gunung Raya.

"Ia dibuat atas faktor keselamatan semua pelumba dan pegawai pelumbaan serta orang awam.

"Pembatalan penamat ini adalah disebabkan kejadian tanah runtuh di empat lokasi di Gunung Raya dan setakat ini masih lagi terdapat gelongsoran tanah di sana," kata kenyataan itu.

Perlumbaan ikonik itu hampir menuju ke penamat dengan dua perlumbaan berbaki di pulau pelancongan itu pada semalam dan hari ini membabitkan pelumba profesional seluruh dunia.

Terdahulu, Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashari berkata, laluan ke Gunung Raya ditutup kerana terdapat empat runtuhan tanah berlaku dan masih terdapat pergerakan tanah dikesan.